

01/08/2003

Tiada tambahan ekuiti selepas penyenaaran: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menjelaskan pegangan ekuiti 30 peratus yang diberikan kepada Bumiputera dalam syarikat awam sebelum diapungkan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak dihapuskan.

Perdana Menteri berkata, apa yang berlaku ialah pegangan ekuiti 30 peratus kepada Bumiputera setelah sesuatu syarikat ditubuhkan tidak akan ditambah selepas disenaraikan.

Katanya, adalah tidak wajar untuk menambahkan lagi pegangan Bumiputera selepas sesebuah syarikat disenaraikan walaupun pegangan mereka sudah terjual di pasaran terbuka.

"Bila syarikat itu ditubuh, maka 30 peratus dijual kepada Bumiputera. Bumiputera membeli saham itu dan terus jual balik kepada bukan Bumiputera. Dengan itu, syarikat terbabit tidak ada lagi mempunyai saham yang dipegang Bumiputera.

"Sekarang Bumiputera kata setelah dijual balik, patutlah (kerajaan bagi lagi kuota). Syarikat itu sudah seratus peratus (milik) bukan Bumiputera, maka dia perlu bagi lagi 30 peratus, tak bolehlah macam itu.

"Apabila sudah disenaraikan, dia tak boleh buat kerja macam itu," katanya yang juga Menteri Kewangan selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini semalam.

Kelmarin, kerajaan memutuskan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak lagi perlu mengekalkan pegangan ekuiti minimum 30 peratus oleh Bumiputera.

Berdasarkan garis panduan baru Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang diluluskan mesyuarat Kabinet, syarat pemilikan 30 peratus ekuiti oleh Bumiputera hanya perlu dipenuhi ketika penyenaaran.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz dipetik sebagai berkata bahawa Kabinet menganggap syarikat senarai awam sudah mematuhi syarat pegangan kepentingan oleh Bumiputera sebaik saja ia disenaraikan.

Ini bermakna, jika pegangan Bumiputera berkurangan daripada 30 peratus berikutan penjualan saham oleh golongan terbabit, kelulusan FIC tidak diperlukan bagi usaha meningkatkannya semula.

Dr Mahathir menjelaskan, tindakan itu bukan bertujuan mengurangkan pegangan ekuiti Bumiputera, tetapi kuota 30 peratus masih tetap ada iaitu sebelum penyenaaran.

Masalahnya ialah Bumiputera terus menjual saham mereka di pasaran terbuka setelah syarikat itu disenaraikan, menyebabkan ekuiti mereka berkurangan atau tiada langsung.

Katanya, sesebuah syarikat itu memang sudah mematuhi syarat memperuntukkan pegangan 30 peratus Bumiputera, tetapi pegangan itu tidak bertahan selepas penyenaaran kerana sudah dijual.

"Kita tak longgar (syarat kuota), 30 peratus masih 30 peratus tapi dia jual, lepas itu nak suruh bagi lagi, dia jual lagi, bagi lagi, dia jual lagi. Ini apa?... dia berniaga saham," katanya.

Sementara itu, Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno ketika ditemui selepas mesyuarat itu pula berkata, keputusan kerajaan itu membabitkan semua syarikat awam.

Katanya, menjadi hak seseorang Bumiputera sama ada menjual atau terus mengekalkan pegangan saham mereka dalam sesebuah syarikat di pasaran terbuka setelah ia disenaraikan.

Bagaimanapun katanya, sikap Bumiputera sendiri menjadi masalah apabila

selepas mendapat saham, sama ada yang diberi syarikat terbabit atau menerusi cabutan, terus menjual untuk dapat keuntungan.

"Kita mesti ingat orang beli saham bukan semata-mata nak simpan tetapi mendapat keuntungan. Saya pasti bila saham naik, mereka akan jual. Namun kita tak boleh kata bila pegangan Bumiputera dalam sesebuah syarikat itu dah turun kepada 10 peratus, maka mesti tambah 20 peratus lagi.

"Tindakan ini tidak sempurna, Bumiputera dah jual (saham 30 peratus yang diberi sebelum penyenaraian) untuk dapat duit," katanya.